

# Mahkamah benarkan soalan hubungan Anwar-Shamsidar

KUALA LUMPUR 27 Julai — Mahkamah Sesyen Ampang di sini hari ini membenarkan soalan dikemukakan kepada pegawai penyiasat mengenai dakwaan hubungan sulit Datuk Sri Anwar Ibrahim dengan isteri bekas setiausaha sulitnya, Shamsidar Taharin seperti yang dikatakan dalam buku berjudul *50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM*.

Hakim Mohd. Saman Mohd. Ramli memutuskan demikian setelah beliau meneliti hujah Shashi Menon yang bertindak sebagai peguam bela kepada penulis buku itu, Khalid Jafri dan hujah bantahan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Abdul Karim Abdul Jalil.

Terdahulu, Shashi me-

ngemukakan soalan berdasarkan petikan beberapa perenggan buku berkenaan mengenai dakwaan hubungan sulit Anwar dengan Shamsidar kepada pegawai penyiasat, Deputy Supritendan, Mohd. Rodwan Yusof.

Abdul Karim kemudian bangun membantah dengan mengatakan bahawa tindakan peguam itu mengemukakan soalan-soalan tersebut seolah-olah ingin meminta Rodwan memberikan kepastian mengenai sesuatu fakta yang tidak diketahui oleh saksi itu.

Beliau berhujah, dakwaan mengenai hubungan sulit tersebut juga adalah keterangan dengar cakap oleh Ummi Hafilda Ali berdasarkan syak wasangkanya semata-mata.

Namun kata Abdul Karim, pihaknya tidak membantah jika soalan yang ingin dikemukakan hanya bertujuan untuk mengesahkan perenggan-perenggan yang berkaitan sahaja.

Shashi bagaimanapun menjelaskan bahawa soalan tersebut wajar dikemukakan kepada Rodwan.

Peguam bela memberi alasan bahawa saksi itu sebelum ini dalam keterangannya mengatakan beliau telah membaca buku berkenaan serta laporan-laporan dakwaan yang dibuat oleh Ummi Hafilda.

“Untuk pembelaan terhadap tertuduh, soalan mengenai dakwaan hubungan sulit seperti yang ditulis dalam buku tersebut perlu dikemukakan sebelum soa-

lan yang lebih spesifik ditanya kepada Rodwan,” katanya.

Abdul Khalid @ Khalid Jafri Bakar Shah, 60, dituduh menulis berita palsu tersebut pada muka surat 29, perenggan 12 buku berkenaan pada bulan Mei tahun 1998 di Pejabat Media Pulau Legenda di No. 27M, Jalan Kosas 13, Taman Kosas, Ampang Selangor.

Dia didakwa mengikut Seksyen 8A(1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 yang membawa hukuman penjara sehingga tiga tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya sekali jika disabitkan kesalahan.

Perbicaraan bersambung 7 Ogos ini.